

03/08/1999

Dr M arah pemimpin parti komponen temui penyokong

IPOH, Isnin - Semua pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) diarah menemui setiap ahli dan penyokong parti yang layak mengundi bagi mengetahui pendirian mereka terhadap kerajaan menjelang pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau juga mahu pemimpin berkenaan bertemu dengan setiap kenalan atau penyokong yang bukan anggota parti masing-masing di kawasan pilihan raya mereka untuk mengetahui pendirian golongan itu dan menyelesaikan sebarang masalah yang timbul.

Katanya, arahan itu bertujuan memberi gambaran jelas mengenai sokongan mereka serta persediaan memastikan kemenangan BN dalam pilihan raya umum nanti.

Berikutan itu, pemimpin BN diberi amaran tidak terlalu yakin mendapat kemenangan besar walaupun empat parti komponen utamanya, iaitu Umno, MCA, MIC dan Gerakan mempunyai lebih empat juta ahli atau hampir separuh daripada 11 juta rakyat layak mengundi.

"Kalau nama dia (ahli) ada dalam senarai ahli parti, tentukan dia ada (wujud), dia duduk di mana dan apa pendiriannya. Adakah dia akan terus menyokong BN atau tidak.

"Setiap parti, sama ada MIC, MCA, Gerakan, PPP atau mana-mana (parti komponen lain), semuanya mesti tentukan semua ahli dihubungi dan mereka memberi jaminan akan menyokong parti.

"Tetapi kalau semua sokong parti pun belum tentu kita boleh menang. Sebab itu kita juga perlu contact (hubungi) orang yang kita kenal, tetapi bukan ahli untuk menentukan mereka sokong kerajaan," katanya ketika berucap di majlis perjumpaan bersama pemimpin BN Perak, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, semua pemimpin BN diberi cukup masa untuk melakukan tugas itu dan setiap pemimpin terbabit, sekurang-kurangnya di peringkat cawangan perlu menghantar laporan mengenai maklum balas itu kepadanya.

Beliau berkata, arahan itu juga sebagai satu cara memberi penerangan dan mendapat maklum balas daripada ahli BN dan penyokong kerajaan, selain melalui siri ceramah, termasuk oleh beliau sendiri.

(END)